



Oleh **ABDULLAH BUKHARI**
ABDUL RAHIM AL-HAFIZ

Pensyarah di Jabatan Tilawah
al-Quran, Pusat Bahasa, UIAM dan Naib
Presiden MURSHID.

SIAPA Zayd bin 'Amr bin Nufayl? Apa kaitannya dengan khalifah agung Umar bin al-Khattab? Mengapa nama beliau disebut harum oleh para ulama sejarah dan hadis? Bahkan keduanya tergolong dalam kalangan ahli syurga. Kedudukan Sayidina Umar sebagai seorang daripada 10 orang sahabat ahli syurga memang sudah kita maklum (Sunan Abu Dawud, Sunan al-Tirmizi dan Musnad Ahmad). Rupanya Zayd juga dijanjikan syurga sebagaimana sebuah riwayat yang diceritakan 'Amir bin Rabi'ah r.a.:

"Amir bin Rabi'ah menceritakan Zayd bin 'Amr pernah berkata kepadanya: *Aku menyanggah kaumku (dalam akidah) dan mengikut agama nabi Ibrahim dan Ismail. Mereka dahulunya bersolat ke arah kiblat ini (Kaabah). Aku sedang menunggu seorang nabi daripada keturunan nabi Ismail yang bakal diutus, namun aku belum menemuinya lagi. Pun begitu aku sudah beriman dengannya, membenar dan bersaksi atas kenabiannya. Jika umurmu panjang (Wahai 'Amir bin Rabi'ah) maka sampaikan salamku padanya. Amir menyambung: Setelah aku memeluk Islam, aku menceritakan kepada nabi perihal pesanan Zayd, baginda menjawab salamnya dan mendoakan kerahmatan untuknya sambil berkata: Aku melihatnya (Zayd bin 'Amr) berada dalam syurga mengheret ekor bajunya (sebagai lambang kebahagiaan dan kemewahan pada orang Arab) - Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari oleh Imam Ibn Hajar al-'Asqalani.*

Zayd adalah sepupu Sayidina Umar dan ayah kepada Sa'id bin Zaid yang termasuk dalam 10 sahabat yang dijanjikan syurga. Beliau meninggal dunia lima tahun sebelum Rasulullah dibangkitkan menjadi Rasul. Antara keistimewaan lain Zayd adalah beliau sanggup menebus nyawa mana-mana bayi perempuan yang cuba dibunuh oleh bapanya.

Ini disebut dalam sebuah riwayat: "Asma' Binti Abu Bakar r.a. pernah melihat Zaid bin 'Amr bin Nufayl berdiri sambil menyandarkan belakangnya pada dinding Kaabah seraya berkata: "Wahai kaum Quraisy, demi Allah, selain aku nampaknya tiada seorang pun antara kalian yang masih berpegang dengan agama Nabi Ibrahim!" Zayd juga menebus mana-mana bayi perempuan yang mahu dibunuh oleh bapanya. Zayd akan berkata kepada si bapa yang berhasrat membunuh anaknya: "Jangan kamu bunuh bayi ini. (Serahkannya padaku kerana) Aku akan menanggung kos sara hidupnya." Zayd akan membela bayi itu sehingga meningkat dewasa. Setelah anak perempuan itu dewasa Zayd akan menemui bapanya dan berkata: "Jika kamu mahu mengambil kembali anakmu, aku sedia menyerahkannya kepadamu. Dan jika kamu mahu aku sedia menanggung kos saraannya" - Sahih al-Bukhari.

Maha Suci Allah! Sungguh mulia akhlak Zayd. Beliau dan Sayidina Umar berkongsi datuk yang sama iaitu Nufayl. Kedua-

Umar tidak membunuh anak perempuannya

Jika benar, pasti anaknya, Hafsah tidak sempat menjadi isteri Rasulullah

duanya berasal dari kabilah Bani 'Adi yang berbangsa Quraysh dan antara kemuliaan bangsa Quraysh adalah mereka tidak mengamalkan tradisi jahat sesetengah orang Arab Jahiliah yang membunuh bayi perempuan. Rupanya bukan semua kabilah Arab mengamalkan budaya bunuh bayi perempuan. Bukti paling mudah adalah bagaimana adik perempuan Umar iaitu Fatimah binti al-Khattab yang berasal dari kabilah Bani 'Adi dan berbangsa Quraysh boleh hidup dan berkahwin dengan suaminya Sa'id bin Zayd.

KELIRU

Lalu bagaimana pula kisah Umar bin al-Khattab membunuh anak perempuannya ketika kecil boleh tersebar meluas?

Ia berpunca dari riwayat ini: "Umar r.a. berkata: "Ada dua perkara (yang aku lakukan) pada zaman jahiliah. Satunya menyebabkan aku menangis, manakala yang satu lagi menyebabkan aku ketawa. Adapun yang menyebabkan aku menangis adalah: Aku membawa anak perempuanku untuk menanamnya (hidup-hidup). Lalu aku menggali sebuah lubang untuknya sehingga habis berterabur tanah pada janggutku sedang dia tidak tahu hasratku (mahu membunuhnya). Apabila mengingatnya aku menangis. Manakala peristiwa yang menyebabkan aku ketawa adalah aku pernah membuat sebuah berhala daripada buah kurma lalu aku letakkannya pada bahagian kepalaku agar ia mampu menjagaku pada waktu malam. Apabila Subuh tiba dengan selamat, aku makan berhala tersebut. Apabila mengingatnya aku ketawa sendiri (kisah ini disebut dalam sesetengah kitab pada tafsiran ayat 8 dan 9 surah al-Takwir tanpa dibawa sanad sandaran kisahnya).

Oleh kerana kisah ini dinyatakan tanpa sandaran dalil, kita perlu hindarinya demi menjaga nama besar Umar. Pun begitu, ada yang berkeras mempertahankan kisah ini atas alasan ia adalah dosa Sayidina Umar ketika jahiliah yang tidak dihitung selepas seseorang itu memeluk Islam.

Ini disesuaikan dengan sabda Rasulullah SAW: "Sesungguhnya Islam menutup segala (dosa) yang dilakukan sebelumnya dan (begitu juga) hijrah turut menutup (dosa) yang dilakukan sebelumnya," - Musnad Ahmad.

Saya lebih selesa menafikan kisah ini kerana ia mampu menjadi peluru bagi pihak musuh menembak wibawa khalifah agung ini. Lagipun apa gunanya mempertahankan sebuah cerita tanpa sandaran kukuh sedangkan mengabaikannya jauh lebih suci dan selamat untuk peribadi Sayidina Umar. Allah pun menegaskan umat Islam agar meneliti sumber berita agar tiada yang menjadi mangsa. Apatah lagi jika mangsanya manusia berjasa seperti Sayidina Umar.

Imam Ibn Kathir dalam kitabnya *al-Bidayah Wa al-Nihayah* ketika mengulas mengenai biodata Umar telah menyenaraikan semua anak, isteri dan hamba wanita Sayidina Umar sama ada

yang kekal sehingga mati atau yang diceraikan. Tidak pula Imam Ibn Kathir sebagai tokoh ilmu Hadis, tafsir dan sejarah membawakan kisah Sayidina Umar menanam anaknya hidup-hidup. Secara logiknya, jika benar ada kisah Umar membunuh anaknya, Imam Ibn Kathir pasti menyebut anak beliau yang terkorban itu semasa jahiliah.

Para isteri Sayidina Umar adalah: *Zaynab binti Maz'un (perkahwinan pertama Umar pada zaman jahiliah dan melahirkan tiga anak iaitu Abdullah, Abdul Rahman (yang tua) dan Hafsah yang menjadi antara seorang isteri Rasulullah SAW. Hafsah lahir lima tahun sebelum pelantikan Rasulullah SAW di Mekah).

* Jamilah binti 'Asim bin Thabit bin al-

ANTARA BUKTI UMAR R.A. TIDAK MEMBUNUH ANAK PEREMPUANNYA

Cerita pembunuhan anak ini tiada sandaran kukuh, usah bertegang urat mengenainya kerana ia bukan isu pokok dalam Islam.

Imam Ibn Kathir dalam kitabnya *al-Bidayah Wa al-Nihayah* menyenaraikan semua anak, isteri dan hamba wanita Sayidina Umar sama ada yang kekal sehingga mati atau yang diceraikan.

Kepada yang mempertahankannya, siapkan hujah anda ketika bertemu dengan manusia agung yang dijanjikan syurga itu di akhirat.

Aqlah, 'Atikah binti Zayd bin 'Amru

* Qaribah binti Abi Umayyah (kemudiannya diceraikan oleh Umar), Malikhah binti Jarwal (juga diceraikan),

* Ummu Hakim binti al-Harith, Ummu Kalthum binti Ali bin Abi Talib dan dua hamba wanita bernama Luhayyah dan Fukayyah.

Manakala anak beliau adalah Zayd yang besar, Zayd yang kecil, 'Asim, Abdullah, Abdul Rahman yang besar, Abdul Rahman yang tengah, Abdul Rahman yang kecil, 'Ubaydillah, 'Iyadh, Hafsa, Ruqayyah, Zaynab dan Fatimah.

Inilah kehebatan para ulama hadis seperti Imam Ibn Kathir, beliau menyenaraikan semua anak lelaki dan anak perempuan Sayidina Umar bin al-Khattab. Jika benar ada anak perempuan beliau yang dibunuh ketika jahiliah sudah pasti ia turut disenarai sama. Juga jika benar Umar pernah membunuh anaknya, sudah pasti Hafsa adalah mangsa pertama kerana beliau adalah anak perempuan sulung Sayidina Umar.

Pesan saya kepada semua, cukuplah menyebar "kisah buruk" terhadap khalifah agung ini walaupun atas nama teladan. Kemuliaan beliau dan sepupunya Zayd bin 'Amr bukan dikekalkan secara kebetulan oleh Allah, tetapi mempunyai pengajaran kepada kita agar kemuliaan akhlak mereka berdua diikuti oleh semua.

Jangan nama keduanya menjadi busuk hanya dengan cerita-cerita yang tiada sandaran. Apa pun, jika masih ada yang tegar mahu mengatakan "benar Sayidina Umar pernah membunuh anak perempuannya semasa jahiliah" usahlah kita bertegang urat bergaduh mengenainya kerana ia bukanlah isu pokok dalam Islam. Cuma pesan saya, siapkan hujah anda ketika bertemu dengan manusia agung ini di akhirat kelak. Ya Allah! Selamatkanlah kami daripada menyebar berita tidak sahih berkaitan insan mulia yang sudah lama menempah tiketnya ke syurga.

Perselisihan tokoh agama merunsingkan masyarakat

BERTEMU dengan pakar kesihatan atau pemakanan adalah pilihan tepat bagi seseorang yang ingin menjaga kesihatan. Begitu juga bagi mengawal kewangan, nasihat pakar kewangan penting dalam memastikan perbelanjaan adalah selari dengan keperluan.

Sebagai individu yang mahir dalam bidang yang diceburi, pastinya menjadi ikutan orang awam yang bukan dalam bidang tersebut untuk dijadikan rujukan, lebih-lebih bagi mereka yang dikenali dalam sesuatu pengkhususan tertentu.

Realitinya, konsep sama juga digunakan oleh umat Islam dalam mencari tokoh yang boleh dijadikan contoh dan panduan sebagai rujukan bagi memperbaiki akidah serta mengamalkan ajaran Islam dengan sebaik mungkin.

Namun malangnya, bermula hanya dengan perkara kecil, perselisihan pendapat dalam kalangan tokoh agama dilihat semakin meruncing, ditambah pelbagai sogokan pihak luar mengeruhkan lagi keadaan yang secara tidak langsung menimbulkan keraguan dalam kalangan umat Islam. Perkara itu bukan sahaja membuka kelemahan Islam secara umum, tetapi dalam masa sama, hanya memberi kelebihan kepada musuh Islam mengambil kesempatan apabila semangat kesatuan umat Islam semakin musnah.

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), **Dr. Yusri Mohamad** berkata, hakikatnya perbezaan pendapat bukan perkara baharu, tetapi telah berlaku sejak daripada zaman ulama terdahulu termasuk para sahabat dan tabi'in.

Justeru tambahnya, kaedah berhemah perlu diambil bagi menyelesaikan kemelut yang berlaku agar tidak memberi kesan buruk dan mengelirukan masyarakat.

"Sedangkan dalam aliran fikah sendiri pun mempunyai empat mazhab, apatah lagi pada zaman sekarang yang jauh berbeza dengan keadaan zaman dahulu, sudah pasti terdapat pelbagai perbezaan berlaku. Permasalahan ini tidaklah sampai perlu diperbesarkan, cukup dengan perbincangan tertutup," katanya ketika ditemui di ibu pejabat Yadim, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dalam usaha mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat terutamanya umat Islam beliau berkata, Yadim dengan kerjasama gabungan pertubuhan bukan



Realitinya, konsep sama juga digunakan oleh umat Islam dalam mencari tokoh yang boleh dijadikan contoh dan panduan sebagai rujukan bagi memperbaiki akidah serta mengamalkan ajaran Islam dengan sebaik mungkin."

kerajaan Islam (NGO) akan menganjurkan Mukhtar Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM).

"Mengumpulkan lebih 40 NGO, muktamar sehari ini akan membincangkan hal-hal yang dapat membangkitkan serta mewujudkan kerjasama kepakaran dan tenaga kerja daripada pelbagai NGO sehingga ke peringkat maksimum.

"Di akhir muktamar, perbincangan akan disimpulkan dengan sebuah resolusi perpaduan untuk dipanjangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom bagi tindakan lanjut," katanya.

Muktamar MAIM yang akan diadakan pada 25 Februari depan di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur itu akan membincangkan empat slot pembentangan yang bertajuk 'Faktor Utama Yang Boleh Membentuk Perpaduan Dalam Kalangan Umat Islam', 'Membina Kesatuan Sikap Dalam Menghadapi Cabaran Semasa Terhadap Islam di Malaysia', 'Dilema Perpaduan Politik Melayu di Malaysia, Apa Penyelesaiannya?', dan pembentangan pengerusi kluster MAIM.

Antara panel pembentangan undangan termasuk Timbalan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dasuki; Pengerusi Yayasan Murni Akidah, Datuk Aidit Ghazali; bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad; Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Mohd. Zuhdi Marzuki dan Presiden Ikatan Muslimin Malaysia, Abdullah Zaik Abd. Rahman.

PERKASA PERANAN NGO

Sementara itu, Pengerusi Kluster Perpaduan Ummah dan Siasah MAIM, **Aminuddin Yahaya** berkata, penglibatan NGO memainkan peranan penting dalam menyatupadukan ummah walaupun mempunyai aliran dan ideologi berbeza.

Ini kerana, tambahnya, NGO merupakan pihak ketiga saluran masyarakat untuk bersuara dan menyampaikan pandangan kepada kerajaan.

"Peranan NGO di negara ini dilihat masih belum diperkasakan. Tujuan kita bukan untuk menyatukan sesuatu parti politik atau individu dengan pelbagai aliran, tetapi mencari satu titik persamaan yang boleh menyatukan umat Islam di negara ini.

"Ini kerana, dalam 10 perbezaan pastinya terselit satu nilai persamaan yang boleh disepakati seperti hal agama Islam, Perlembagaan Persekutuan dan institusi raja serta keistimewaan orang Melayu," katanya.

Beliau berharap, Mukhtar MAIM dapat menjadi perhimpunan perpaduan umat Islam terbesar di negara ini di samping medium penyatuan ummah seluruh masyarakat.

Beliau sebagai tokoh ilmu Hadis, Tafsir dan sejarah tidak membawakan kisah Umar menanam anaknya hidup-hidup. Jika benar, sudah pasti Hafsa (isteri Rasulullah yang lahir lima tahun sebelum pelantikan Rasulullah) adalah mangsa pertama kerana beliau adalah anak perempuan sulung Sayidina Umar.